

Nota Bahasa Melayu Standard : Kepimpinan Melalui Teladan



UCAPAN PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan limpah-Nya, **Nota Bahasa Melayu Standard : Kepimpinan Melalui Teladan Tingkatan 4** dapat disempurnakan seperti yang dihasratkan oleh Panitia Daerah Seremban 2. Dalam kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada panel pelaksana atas komitmen menghasilkan nota yang sangat bermanfaat ini demi kepentingan semua murid di daerah ini.

Nota ini sesuai digunakan oleh guru dan murid sebagai bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu khasnya ketika menggunakan **Buku Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul**. Saya berharap agar murid-murid dapat memanfaatkan nota ini bagi meningkatkan kemahiran menjawab soalan Bahasa Melayu Standard Kertas 2 Bahasa Melayu dalam peperiksaan dalaman mahupun SPM. Saya yakin penggunaan nota ini akan membantu pemahaman murid untuk mengukuhkan pemahaman keseluruhan cerita dalam prosa klasik berkenaan.

Penyempurnaan nota ini tidak akan berjaya tanpa pengorbanan semua Ketua Panitia yang terlibat sebagai panel pelaksana projek ini. Komitmen dan usaha yang diberikan oleh semua ahli pelaksana bagi merealisasikan projek ini wajar dihargai semua pihak. Bayangkanlah kebaikan yang bakal dicatatkan oleh cikgu-cikgu saat nota ini menjadi rujukan bukan puluhan atau ratusan bahkan mungkin ribuan anak murid atau orang perseorangan untuk tujuan pembelajaran mereka. Sumbangan penulisan profesional ini mungkin menjadi asbab bagi kebaikan yang bakal dianugerahi oleh-Nya, insya-Allah.

Oleh itu, saya mengambil peluang sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada panel pelaksana nota ini. Diharapkan nota ini dapat membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta seterusnya dapat melonjakkan prestasi murid di Negeri Sembilan khasnya dalam peperiksaan awam Sijil Pelajaran Malaysia .

Sekian, terima kasih.

Mohd Akhir bin Abd Jalil

Ketua Editor,

SMT Tuanku Jaafar.

Senarai Panel Pelaksana;

BIL	NAMA SEKOLAH	NAMA KETUA PANITIA	HALAMAN TANGGUNGJAWAB
1	SMK SERI PAGI	CIKGU SABINA BINTI SHAULL HAMID	27
2	SMK TUNKU AMPUAN NAJIHAH	CIKGU. ZAITON BINTI SHAM	28
3	KOLEJ TUNKU KURSHIAH	CIKGU UMMI NAZIFAH BT KAMARUDIN	29
4	SMK DATO SHEIKH AHMAD	CIKGU SALIMAH BINTI OTHMAN	30
5	SM DATUK ABDUL RAZAK	CIKGU NURUL HASHIDA BINTI AHMAD	31
6	SMK DATO KLANA PUTRA	CIKGU ZARINA BINTI OTHMAN	32
7	SMK RANTAU	CIKGU HAYATI BINTI HUSSAIN	33
8	SMK DATO MOHD SAID	CIKGU SURIATI MOHAMAD TAHIR	34
9	SMK MANTIN	CIKGU MOHD SHAH BIN AWANG @ MAMAT	35
10	SMK (FELDA) SERI SENDAYAN	CIKGU SITI JARAH BINTI HUSIN	36-37
12	SM AGAMA RANTAU	CIKGU NOR AZIYAN BINTI SHAARI	38
13	SM AGAMA NILAI	CIKGU NOR FADHILAH BINTI ABDULLAH	39

SMK SERI PAGI -MS:27

NAMA PENUH KP : SABINA BINTI SHAULL HAMID

NO. KP : 951003055044

Alkisah maka tersebutlah perkataan Seri Betara Majapahit dan Patih Gajah Mada dan peri mengatakan penjurit ketujuh bercakap kepada Seri Betara dan Patih Gajah Mada hendak mengalahkan negeri Melaka itu dengan seorang dirinya, peri mengatakan tatkala Laksamana membunuh penjurit tujuh bersaudara di Bukit Cina itu. Berapa lamanya didengar oleh Patih Gajah Mada penjurit yang tujuh bersaudara yang dititahkan Seri Betara pergi ke Melaka itu sudah mati. Maka Patih pun hairan. Maka Patih Gajah Mada pun fikir dalam hatinya. 'Adapun negeri Melaka itu sukar binasa maka puas hatiku. Adapun seperti khabar penjurit tujuh bersaudara yang di Bukit Cina itu, jika tiada ia mati, nescaya alahlah Melaka itu.'

Tersebutlah kisah tentang Seri Betara Majapahit dan Patih Gajah Mada serta peri mengatakan bahawa ketujuh-tujuh askar upahan bercakap kepada Seri Betara dan Patih Gajah Mada bahawa mereka hendak mengalahkan negeri Melaka itu dengan sendirinya, peri mengatakan sedemikian semasa Laksamana membunuh tujuh orang askar upahan bersaudara di Bukit Cina itu. Tidak beberapa lama kemudian didengar oleh Patih Gajah Mada bahawa askar upahan tujuh bersaudara yang dititahkan oleh Seri Betara pergi ke Melaka itu sudah mati. Patih berasa hairan. Patih Gajah Mada berfikir di dalam hatinya. 'Sekiranya negeri Melaka yang kuat itu berjaya dibinasakan puas hatinya. Sesungguhnya seperti khabar askar upahan tujuh bersaudara di Bukit Cina itu jika mereka tidak mati, sudah pasti kalahlah Melaka itu.'

Setelah sudah ia fikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. Maka Patih Gajah Mada pun segera menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumlah. Maka orang Patih Gajah Mada pun pergilah kepada bininya Petala Bumi.

Setelah habis berfikir, Patih Gajah Mada teringat akan Petala Bumi. Patih Gajah Mada segera menyuruh isteri Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari yang pergi mencuri ke Daha itu, sama ada sudah pulang dari Daha atau belum pulang. Pengikut Patih Gajah Mada pergi berjumpa dengan isteri Petala Bumi.

SMK TUNKU AMPUAN NAJIHAH – MS:28

NAMA PENUH KP : ZAITON BINTI SHAM

NO. KP :690510015490

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku, maka tiada aku lihat ini?”

Kertala Sari pulang dari Daha, membawa banyak harta rampasan terdiri daripada emas, perak, pakaian dan wang berpuluh-puluh juta yang dicurinya. Setelah Kertala Sari sampai ke rumahnya, dia bertanya kepada ibunya, “Wahai ibu, di mana bapaku, aku tidak melihatnya?”

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, “Hai, anakku, yang bapaku itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka,”

Selepas mendengar kata-kata anaknya itu, ibu Kertala Sari menangis lalu berkata, “Wahai anakku, bapaku sudah mati dibunuh oleh orang Melayu yang bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka”.

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu marah, katanya, “Siapa menyuruh membunuh bapaku itu, supaya negeri Majapahit ini habis kubinasakan?”

Selepas Kertala Sari mendengar kata-kata daripada ibunya itu, dia pun berasa marah dan berkata, “Siapakah yang disuruh membunuh bapaku, akan aku binasakan negeri Majapahit ini sehingga semuanya musnah”.

Maka oleh ibunya segala hal-ehwal dari mulanya datang kesudahnya diceritakannya pada anaknya. Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya, “Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa kedep tembung laku. Syahadan negeri Melaka pun habis kubinasakan. Jikalau tiada kuperbuat demikian, bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan.”

Ibunya pun menceritakan dari awal hingga akhir kepada anaknya. Setelah Kertala Sari mendengar cerita ibunya, dia berasa sangat marah, “Cis, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau di tanganku! Kurang ajar. Negeri Melaka pun habis kuhancurkan. Jika aku tidak bertindak demikian, aku bukanlah anak pejuang yang berani dan cerdas.”

Setelah sudah Kertala Sari berkata-kata demikian itu, maka orang penyuruh daripada Patih Gajah Mada itu pun datanglah. Maka dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti laku orang berkelahi. Setelah dilihatnya oleh Kertala Sari orang datang itu, maka kata Kertala Sari kepada orang itu, “Siapa tuan hamba ini?”

Setelah Kertala Sari berkata-kata demikian, orang suruhan Patih Gajah Mada sampai. Dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti sedang bertengkar. Apabila Kertala Sari melihat orang suruhan itu, dia pun bertanya kepada orang itu, “Siapakah engkau?”

Maka kata orang itu, “Manira ini disuruhkan oleh Patih Gajah Mada melihat pakanira, sudahkah datang dari Daha atau belumkah, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira.” Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu.

Orang suruhan itu berkata, “ Saya ini disuruh oleh Patih Gajah Mada untuk melihat engkau sama ada sudah pulang dari Daha atau belum kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan engkau.” Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan beriringan dengan orang itu.

KOLEJ TUNKU KURSHIAH -MS:29

NAMA PENUH KP :UMMI NAZIFAH BT KAMARUDIN

NO. KP :890704-10-5538

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, “ Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, ‘Jangan tiada dikasihi anakku ini,’ kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung.

Setelah bertemu dengan Patih Gajah Mada, Kertala sari duduk menyembah. Patih Gajah Mada berkata, “Wahai Kertala Sari, aku menyuruh orang memanggil kamu kerana bapa berpesan agar tidak mengabaikan / menjaga kamu. Bapa kamu telah meninggal dunia kerana menjalankan titah Seri Betara. Oleh itu, kamu akan dijadikan penggawa agung.”

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.

Apabila Kertala Sari mendengar penjelasan Patih Gajah Mada, dia terlalu gembira lalu menyembah kaki Patih Gajah Mada.

Maka sembah Kertala Sari, “Endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negerinya pun dapat manira alahkan dengan seorang kula juga, syahadan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira jadi penggawa.”

Kertala Sari mengatakan bahawa dia tidak sukar urusan untuk membunuh Ratu Melaka dan Laksamana. Dia berpendapat bahawa negeri Melaka dapat dikalahkan seorang diri dan semua anak isteri rakyat Melaka juga akan diambil. Jika dia belum berjaya membunuh Ratu Melaka dan Laksamana sehingga mati, dia tidak mahu menjadi penggawa.

Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin.

Setelah Patih Gajah Mada mendengar kata-kata Kertala Sari dia sangat gembira, lalu dihidangkan/dijamunya makanan dan minuman dan berpesta serta diberikan pakaian.

Setelah sudah maka Kertala Sari pun dibawanya masuk menghadap Seri Betara. Maka sembah patih Gajah Mada, “Adapun penjurit tujuh orang yang dititahkan oleh Paduka Betara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana ketujuhnya.

Kertala Sari dibawa masuk menghadap Seri Betara. Patih Gajah Mada mengatakan bahwa semua tujuh orang pejuang yang telah dititahkan oleh Paduka Betara untuk pergi ke Melaka telah dikatakan mati dibunuh oleh Laksamana.

Sebermula negeri Melaka pun sedikit alah olehnya. Akan sekarang baharulah patik beroleh penjurit terlalu kepetangan; inilah penjuritnya. Kertala sari namanya, anak Petala Bumi yang dipesan oleh bapanya kepada patik.”

Melaka dapat dikalahkan oleh Kertala Sari. Sekarang patik sudah ada seorang pejuang yang terlalu cerdik dan licik. Namanya ialah Kertala Sari, iaitu anak kepada Petala Bumi yang telah diamanahkan bapanya kepada patik.

Setelah Seri Betara mendengar sembah Patih Gajah Mada demikian itu, maka titah Seri Betara, “Hai Kertala Sari, dapatkah engkau kutitahkan membunuh Ratu Melaka dan hulubalang yang bernama Laksamana itu?”

Apabila Seri Bentara mendengar penjelasan Patih Gajah Mada, Seri Betara bertitah kepada Kertala Sari untuk membunuh Ratu Melaka dan hulubalang yang bernama Laksamana.

SMK DATO SHEIKH AHMAD -MS:30

NAMA PENUH KP : SALIMAH BINTI OTHMAN

NO. KP : 681125015342

Maka sembah Kertala Sari, “Daulat tuanku andika Betara, endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu, sedang negeri Daha patik alahkan?”

Sembah Kertala Sari, “Daulat tuanku andika Betara, mudah untuk melaksanakan tugas membunuh Raja Melaka dan Laksamana sedangkan negeri Daha pun patik kalahkan?”

Setelah Seri Betara mendengar cakap Kertala Sari itu, maka titah Seri Betara, “Segeralah engkau pergi ke Melaka itu. Kerajaan seperti cakapmu itu supaya engkau kujadikan penggawa agung.”

Setelah Seri Betara mendengar kata-kata Kertala Sari itu, lalu Seri Betara bertitah . “engkau segera pergi ke Melaka. Beta akan melantik engkau sebagai penggawa agung di negeri tersebut.”

Maka sembah Kertala Sari, “Jikalau tuanku hendak menitahkan patik aji, baiklah segera patik suruh hantarkan ke Melaka dengan sebuah perahu supaya patik segera kerjakan seperti titah paduka Betara itu.”

Lalu sembah Kertala Sari, “Jika tuanku hendak menitahkan patik ke sana, eloklah segera patik pergi ke Melaka dengan menaiki sebuah perahu supaya patik dapat segera melaksanakan tugas seperti titah Paduka Betara itu.”

Maka titah Seri Betara, “Hai Patih Gajah Mada, segeralah suruh hantar ke Melaka.” Maka Patih Gajah Mada pun berlengkap sebuah perahu dengan sepuluh orang sertanya yang pergi. Setelah sudah lengkap maka Kertala Sari pun berlayarlah.

Lalu Seri Betara bertitah, “Hai Patih Gajah Mada segeralah engkau pergi.” Lalu Patih Gajah Mada menyediakan sebuah perahu yang lengkap bersama sepuluh orang. Setelah itu, Kertala Sari pun berangkatlah ke Melaka.

Berapa lamanya maka Kertala Sari pun sampailah ke Melaka. Maka ia pun singgah di luar kota pada kampung segala Jawa. Maka Kertala Sari pun menyamarkan dirinya kepada segala Jawa yang banyak itu. Maka Kertala Sari pun sedia kala berjalan keluar masuk bermain-main segenap kampung orang kaya-kaya dan saudagar.

Setelah beberapa lama dalam pelayaran, lalu Kertala Sari pun sampailah ke Melaka. Kemudian dia singgah di sebuah kampung yang terletak di luar kota yang penduduknya dalam kalangan orang Jawa. Kertala Sari pun menyamarkan dirinya sebagai orang Jawa. Lalu Kertala Sari pun berjalan di sekeliling kampung, bertemu dan beramah mesra dengan seluruh penduduk kampung, orang-orang kaya dan ahli perniagaan.

Setelah diketahuinya, maka Kertala Sari pun masuk menyamar pada orang Patih Karma Wijaya. Tatkala itu Kertala Sari pun masuk seorangnya mengikut Patih Karma Wijaya pergi menghadap sama dengan Jawa yang banyak itu. Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang. Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana, maka ia pun fikir dalam hatinya, “Dialah gerangan hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian lakunya, sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia penjurit besar lagi kepetangan.”

Setelah mengetahui keadaan di negeri tersebut, Kertala Sari pun menyamar sebagai orang Patih Karma Wijaya. Kertala Sari antara orang yang mengikut Patih Karma Wijaya pergi bertemu dengan orang-orang Jawa itu. Lalu Kertala Sari melihat seorang demi seorang hulubalang yang berada di situ. Kemudian Kertala Sari pun memandang kepada Laksamana, lalu dia berfikir di dalam hatinya, “Dialah hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. Jika begitu sikapnya, patutlah dia dapat membunuh bapaku, kerana dia perajurit besar lagi bijak.”

SM DATUK ABDUL RAZAK - MS 31

NAMA PENUH KP : NURUL HASHIDA BINTI AHMAD

NO. KP : 810503035526

Setelah sudah ia fikir demikian, maka Kertala Sari pun dilihat pula perihal penghadapan dan tempat orang bertunggu raja itu. Setelah dilihatnya ratalah, maka Kertala Sari pun kembali pada tempatnya singgah itu, maka ia pun berjalanlah mencari tempat akan menaruh harta. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari ada sebuah bukit di luar kota itu. Maka ia pun pergi ke atas bukit itu. Maka dilihatnya tempat itu terlalu baik menaruh harta. Maka ia pun berjalanlah turun dari Bukit Cina itu.

Setelah dia berfikir begitu, Kertala Sari melihat pula perihal penghadapan dan tempat orang menunggu raja itu. Setelah dia melihatnya, Kertala Sari pulang ke rumahnya lalu dia berjalan mencari tempat untuk menyimpan hartanya. Kertala Sari sampai ke sebuah bukit di luar kota itu. Dia melihat dan berpendapat bahawa tempat itu sangat sesuai untuk menyimpan harta. Lalu dia berjalan turun dari Bukit Cina itu.

Berapa lamanya hatta hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; maka lalu berjalan masuk ke dalam kota. Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur. Maka oleh Kertala Sari dicurinya segala harta saudagar itu sekuasa-kuasanya ia membawa dan bini saudagar itu pun dicabulinya. Maka ia pun kembali pada tempatnya singgah itu.

Tidak lama selepas itu, waktu malam pun tiba. Kertala Sari menyiapkan dirinya, kemudian dia berjalan masuk ke dalam kota. Dia masuk ke dalam rumah seorang saudagar yang kaya. Kertala Sari melihat saudagar itu sedang makan bersama-sama dengan isterinya. Kertala Sari pun masuk ke dalam rumah dan makan bersama-sama saudagar itu. Apabila sudah larut malam, saudagar itu pun masuk tidur. Kertala Sari mencuri segala harta saudagar itu dengan sedaya upaya membawanya dan mencabul isteri saudagar itu. Lalu dia kembali semula ke tempat persinggahannya itu.

Maka hari pun sianglah. Maka saudagar itu pun gemparlah mengatakan dirinya kecurian.

Setelah hari siang, saudagar itu heboh mengatakan dia mengalami kecurian.

Hatta maka hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun masuk mencuri pula sebuah rumah saudagar yang lain. Setelah sudah banyaklah ia beroleh harta, maka ia pun kembalilah pada tempatnya pula. Dengan demikian habislah segala harta saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya. Maka segala saudagar dan orang kaya-kaya itu pun masuk menghadap raja berdatang sembah. "Ya, tuanku, patik mohonkan ampun, adapun patik sekalian ini habis kecurian tinggal sehelai sepinggang."

Setelah hari malam, Kertala Sari telah masuk mencuri di rumah saudagar yang lain. Setelah mendapat banyak harta dia telah kembali semula ke tempatnya. Semua harta saudagar yang kaya raya habis dicuri oleh Kertala Sari. Setelah itu saudagar dan orang kaya telah pergi menghadap raja dan menyembah "Ya, tuanku, patik mohon ampun, patik semua mengalami kecurian dan hanya tinggal sehelai sepinggang".

Setelah baginda mendengar sembah orang itu, maka baginda pun terkejut seraya menampar-nampar pahanya. Maka titah baginda, "Wah, datanglah pula bala atas negeriku!

Setelah baginda mendengar sembah daripada saudagar itu, baginda berasa sangat terkejut sambil menampar-nampar pahanya. Titah baginda, "Aduhai, datang pula bala atas negeriku!

SMK DATO KLANA PUTERA – MS:32

NAMA PENUH KP : ZARINA BINTI OTHMAN

NO. KP : 621201055270

Baiknya ada Laksamana: jikalau Laksamana kuutuskan ke negeri orang, binasalah negeri ini.

Nasib baik ada Laksamana : Jikalau ada Laksamana kuutuskan ke negeri orang pasti binasalah negeri ini.

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, “ Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya ! “. Maka Temenggung pun menyuruhkan berkisah orang kaya –raya dan saudagar berkawal pula kampungnya.

Kemudian baginda bertitah kepada Temenggung, “ Wahai Temenggung suruh orang berkawal dan semua saudagar juga berkawal di kampong masing-masing. Temenggung menyuruh orangnya memberitahu orang kaya-kaya dan saudagar supaya berkawal di kampong masing-masing.

Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkawal, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya.

Setelah hari malam Temenggung menyuruh orangnya berkawal, terlalu banyak orang membawa lembing dan perisai. Semua saudagar berkawal di kampong masing-masing.

Sebermula, maka Kertala Sari pun masuk ke dalam. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak dengan alat senjatanya. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu berjalan di tengah orang banyak itu. Maka ia pun pergi ke rumah seorang kaya. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas itu lalu di bawanya kembali dan bini orang kaya-kaya itu dicabulnya. Maka ia pun kembali ke tempatnya.

Pada mulanya, Kertala Sari masuk ke dalam. Lalu dilihat oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak berserta dengan senjata masing-masing. Kemudian Kertala Sari membaca menteranya,lalu dia berjalan di tengah-tengah orang yang sedang

berkawal itu lalu dia pergi ke sebuah rumah orang kaya. Kemudian dicurinya harta yang tersimpan itu lalu di bawanya pulang dan isteri orang-orang kaya itu dicabulnya.

Setelah hari pun siang, maka orang kaya-kaya itu pun datang menghadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu. Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, “ Hai Temenggung,tiadakah menyuruhkan orangnya berkawal tadi ?”

Setelah hari siang, orang kaya-kaya itu datang menghadap raja untuk mengadukan bahawa mereka kecurian pada malam semalam. Baginda berasa hairan lalu bertitah kepada Temenggung, “ Wahai Temenggung mengapakah tidak mengarahkan pengawal untuk berkawal pada malam tadi ? “

Maka sembah Temenggung,” Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi,seorang pun tidak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan perajurit itu.” Maka titah baginda, “ Apakah sebabnya maka dapat dicurinya oleh perajurit itu ?”

Sembah Temenggung, “ Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh pengawal berkawal pada malam tadi, tetapi seorang pun tidak bertemu dengan perompak itu. Patik memang hairan dengan perompak itu.” Baginda bertitah, “ bagaimanakah cara perompak itu dapat mencurinya ?”

Maka baginda pun murka sedikit akan Temenggung. Maka baginda pun menyuruh memanggil Laksamana ; Laksamana pun segera datang lalu duduk menyembah. Maka titah baginda, “ Hai kekasihku Laksamana, datanglah bala ke atas negeriku dan banyaklah orang aku kecurian : masing-masing mengadukan halnya pada kita. “

Lalu baginda sedikit murka akan Temenggung,lalu baginda menyuruh orang memanggil Laksamana. Laksamana segera datang lalu duduk menyembah. Titah baginda, “ Wahai kekasihku Laksamana, tibalah bencana ke atas negeriku dan banyaklah orang beta yang kecurian : masing-masing mengadukan hal mereka kepada beta, “

SMK RANTAU – MS:33

NAMA PENUH KP : HAYATI BINTI HUSSAIN

NO. KP : 840613035436

Maka sembah Laksamana, “Daulat Tuanku, mohonkan ampun dan kurnia; adapun perajurit ini bukan perajurit negeri ini, perajurit negeri lain.”

Laksamana datang menyembah raja dan berkata, “Daulat Tuanku, mohon ampun dan kasih, bagaimanapun semua perajurit yang terlibat bukan perajurit negeri ini tetapi perajurit negeri lain.”

Maka titah baginda, “Apatah sebabnya maka dapat dicurinya oleh perajurit itu?”

Kemudian baginda raja bertitah, “Apakah sebab perajurit ini dapat mencuri?”

Maka sembah Bendahara, “Daulat tuanku Syah Alam, adapun pekerjaan berkawal itu pekerjaan Temenggung; apabila Temenggung tiada bercakap, Laksamana pula mengerjakan dia.”

Lalu Bendahara datang menyembah, “Daulat tuanku Syah Alam, sebenarnya pekerjaan berkawal itu pekerjaan Temenggung; apabila Temenggung tidak bercakap, Laksamana pula menyoal dia.”

Maka titah raja, “Pada malam ini Temenggung sendiri keluar berkawal.”

Lalu titah raja, “Pada malam ini Temenggung sendiri keluar berkawal.”

Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku, patik sendiri masuk berkawal,” Maka Temenggung pun bermohon kembali ke rumahnya berkerah segala hambanya lima ratus orang dengan alat senjatanya.

Kemudian sembah Temenggung, “Daulat tuanku, patik sendiri masuk berkawal,” Temenggung kemudian memohon untuk pulang ke rumahnya dan mengarahkan semua hambanya seramai lima ratus orang bersama dengan alat senjata masing-masing untuk bersedia.

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke dalam rumah Bendahara. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas lalu dibawanya kembali.

Setelah hari malam Kertala Sari pun masuk ke dalam kota. Dia mendengar bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai berlaga. Kertala Sari kemudian membaca mantera lalu berjalan di tengah orang ramai lalu masuk ke dalam rumah Bendahara. Kemudian dia mencuri harta yang disimpan dan dibawa bersama.

Setelah hari siang maka Bendahara pun gemparlah mengatakan kecurian.

Setelah waktu siang Bendahara pun menghebohkan mengenai kecurian.

Maka Bendahara pun berdatang sembah, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun, pada malam ini patik habis kecurian, habislah harta yang kemas-kemas.”

Lalu Bendahara pun datang menyembah, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun, pada malam ini segala harta patik telah dicuri, segala harta habis yang disimpan.”

Maka titah raja, “ Hai Temenggung, tidakkah kita titahkan Temenggung sendiri pada malam berkawal? Mengapakah pada malam ini mamak kecurian ini?”

Kemudian raja bertitah, “ Hai Temenggung, tidakkah kita titahkan Temenggung sendiri pada waktu malam untuk berkawal? Mengapakah pada malam ini mamak kecurian ini?”

Maka sembah Temenggung, “ Ya tuanku, patik mohonkan ampun dan kurnia; adapun pada malam ini patik sendirinyalah berkawal. Pada segenap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya patik sudah tunggu, maka seorang pun tiada bertemu dengan patik-patik itu.

Lalu sembah Temenggung, “ Ya tuanku, patik mohonkan ampun dan belas kasihan; pada malam ini patik sendiri yang berkawal. Patik bersama hamba-hamba patik telah berkawal di segenap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya telah dijaga, namun tidak bertemu dengan seorang.

SMK DATO MOHD SAID – MS:34

NAMA PENUH KP : SURIATI MOHAMAD TAHIR

NO. KP : 760604055312

Maka Laksamana pun berdatang sembah, “ Ya, tuanku, Adapun penjurit yang datang ini bukan barang-barang penjurit, lebih tahunya daripada patik. Jika ada derma kurnia, patik hendak memohon ke bawah duli hendak cuba bermain dengan penjurit itu”.

Laksamana datang menyembah, “ Ampun tuanku, penjurit yang datang ini bukan calang-calang penjurit, dia lebih hebat daripada patik. Jika ada keizinan tuanku, patik hendak memohon ke bawah duli untuk menguji kehebatan penjurit itu.”

Maka titah raja, “Adapun Laksamana itu tiadalah dapat jauh daripada kita. Jikalau Laksamana pergi berkawal siapa teman kita di istana ini? Yang kita harap hanyalah Laksamana.” Maka Laksamana pun berdiam dirinya mendengar titah raja demikian itu.

Raja bertitah, “ Sesungguhnya tidak boleh berjauhan daripada beta. Jika Laksamana pergi berkawal tiada sesiapa yang akan menemani beta di istana ini? Beta hanya mengharapkan Laksamana sahaja.” Laksamana hanya berdiam diri apabila mendengar titah raja itu.

Hatta beberapa hari maka segala orang kaya-kaya dan saudagar itu pun habis kecurian ; syahadan semuanya datang menghadap raja. Maka raja pun tiada terkata-kata lagi.

Setelah beberapa hari semua orang kaya dan saudagar mengalami kecurian; oleh itu, kesemua mereka datang menghadap raja. Pada masa itu, raja belum bertitah apa-apa lagi.

Maka sembah Laksamana, “Pada firasat patik, pada malam itu datang pula penjurit itu ke istana kita ini.”

Setelah itu, Laksamana datang menyembah, “ Pada firasat patik, pada malam ini penjurit itu akan datang ke istana kita ini.”

Maka titah raja, “Apa bicara kita supaya penjurit itu tiada beroleh masuk ke istana ini?”

Raja bertitah, “ Bagaimanakah tindakan kita supaya penjurit itu tidak boleh masuk ke istana ini?”

Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, ada suatu perbuatan; hikmat itu daripada penjurit yang tahu patik peroleh.”

Laksamana menyembah, “Daulat tuanku, patik ada cara untuk mengatasi hikmat daripada penjurit.”

Maka titah baginda, “Segeralah perbuat, kekasihku Laksamana, hikmat itu.”

Baginda bertitah, “ Segeralah berbuat demikian, wahai Laksamana.”

Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, pada malam ini lepaskanlah patik pergi berkawal, tiada jauh.”

Maka baginda bertitah, “Baiklah.”

Laksamana menyembah, “ Ya tuanku, pada malam ini patik akan berkawal tidak jauh dari istana ini.”

Baginda pun bertitah, “ Baiklah Laksamana.”

Maka Laksamana pun menyuruh membawa segala senjata yang banyak-banyak itu, lembing dan tombak dan kayu. Maka diatur oleh Laksamana berkeliling istana itu. Maka

dibubuhnya suatu hikmat, radak-meradak dan ketak-menetak sama sendirinya dan kayu itu pun palu-memalu, terlalu gemuruh bunyinya.

Laksamana meminta semua senjata termasuk lembing, tombak dan kayu dikumpulkan. Seterusnya Laksamana mengatur senjata-senjata tersebut di sekeliling istana. Kemudian Laksamana menggunakan hikmat ke atas senjata tersebut untuk bergerak sendiri dengan bunyi yang sangat kuat.

Maka hari pun malamlah. Maka Laksamana pun memakai serba hitam lalu berjalan. Maka Kertala Sari pun masuklah. Maka dilihat oleh Laksamana seorang penjurit; maka Laksamana pun berselindung pada suatu tempat. Maka Kertala Sari pun menyimpang pada tempat yang lain masuk mencuri.

Hari sudah malam. Laksamana memakai pakaian serba hitam lalu bergerak ke tempat berkawal. Kertala Sari masuk ke situ. Seterusnya, Laksamana telah melihat seorang penjurit; oleh itu Laksamana telah bersembunyi di suatu tempat. Kertala Sari pula telah menyimpang ke tempat lain untuk mencuri.

SMK MANTIN -MS:35

NAMA PENUH KP : MOHD SHAH BIN AWANG @ MAMAT

NO. KP : 771111-11-5173

Maka Kerala Sari pun fikir dalam hatinya hendak mencuri harta raja: apabila habislah harta raja itu maka ia pun hendak membakar serta mengamuk. "Adapun bini raja muda-muda itu kuambil akan biniku." Maka ia pun sampailah ke istana. Didengar bunyi gemuruh, maka dihampirinya: maka dilihatnya senjata dan kayu palu-memalu, tikam-menikam dan radak-meradak.

Oleh itu, Kertala Sari berfikir dalam hatinya untuk mencuri harta kepunyaan raja. Apabila semua harta raja dicurinya. Kemudian dia akan membakar dan mengamuk “ Semua isteri raja akan aku ambil menjadi isteriku.” Kemudian, dia tiba di istana. Bunyi yang gemuruh mula kedengaran semasa dia menghampiri istana. Dia melihat senjata dan kayu palu-memalu, tikam-menikam dan radak-meradak.

Maka Kertala Sari pun hairan, berfikir dalam hatinya, "Adapun hikmat ini bukan hikmat Melayu, hikmat penjurit Jawa yang tahu-tahu juga." Maka diambil suatu kayu, maka disarungnya. Maka dipalu oleh kayu hikmat Laksamana itu gemuruh bunyinya. Maka didengar oleh orang berkawal bunyi kayu itu terlalu gemuruh. Maka ia pun hendak pergi mendapatkan, maka ia teringat akan pesan Laksamana: tiada diberinya bergerak, masing-masing pada tempatnya.

Kertala sari pun keliru, berfikir dalam hatinya, “Adapun hikmat ini bukan hikmat Melayu, hikmat tentera Jawa yang tahu juga”. Dia mengambil mengambil sebatang kayu lalu disarungkannya Kemudian, dia memalu kayu yang dipasang oleh Laksamana menyebabkan kayu itu berbunyi dengan kuatnya. Apabila bunyi itu didengari oleh orang yang sedang berkawal, mereka ingin mendapatkannya. Namun demikian, Laksamana telah berpesan supaya mereka tidak bergerak di tempat masing-masing.

Maka kata penjurit itu, "Apa tipunya aku masuk ini, kerana senjata ini ada bertikam. Jika aku masuk nescaya kalahlah aku oleh senjata ini?" Maka penjurit itu pun kembali pula pergi pada tempat yang lain. Maka dicurinya lalu dibawanya pada tempat itu. Maka hari pun sianglah. Maka Laksamana pun kembali. Maka kata Laksamana pada orang yang bertunggu itu, "Adakah tuan-tuan dengar bunyi kayu dan senjata itu lain daripada bunyi sedia kala?"

Kertala sari berfikir dalam hatinya, iaitu senjata tersebut cuba menipunya kerana senjata itu bertikaman. Jika dia terus masuk ke dalam istana, sudah tentu dia akan dikalahkan oleh senjata tersebut. Oleh itu, Kertala Sari telah pergi ke tempat lain. Dia mencuri lagi dan selepas itu membawa harta yang dicuri ke tempat persinggahannya. Setelah hari siang, Laksamana pun kembali ke istana. Dia bertanya kepada orang-orang yang berkawal pada malam tersebut tentang bunyi kayu dan senjata lain pada malam itu.

Maka sahut orang itu, "Adapun pada pendengaran sahaya, kayu itu memalu kayu lainlah." Maka Laksamana pun melihat, sungguh. Maka Laksamana pun masuk menghadap. Maka titah raja, "Hai kekasihku, adakah bertemu dengan penjurit itu?"

Orang itu menjawab bahawa dia mendengar kayu itu memalu kayu lain. Hal ini juga dilihat oleh Laksamana. Laksamana terus menghadap raja. Raja bertitah, "Wahai sahabatku, adakah engkau menemui pencuri itu?"

SMK (FELDA) SERI SENDAYAN – MS: 36

NAMA PENUH KP : SITI JARAH BINTI HUSIN

NO. KP : 830208055258

Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, tiada patik bertemu. Insya-Allah Taala, kelak malam patik cuba main penjurit itu, dengan berkat arwah guru patik.” Maka raja pun diamlah.

Lalu Laksamana menyembah, “Daulat tuanku, patik tidak bertemu dengan penjahat itu. Insya-Allah Taala, malam nanti patik akan cuba memerangkap penjahat itu, dengan berkat tunjuk ajar arwah guru patik.” Kemudian raja pun mendiamkan diri.

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun memakai pakaian yang indah-indah dan memakai bau-bauan yang harum lalu masuk ke dalam kota, dalam hatinya, “Pada malam ini aku masuk membakar dan mengamuk, kerana harta orang Melaka itu pun habis aku curi.”

Pada malam itu Kertala Sari memakai pakaian yang cantik dan memakai bau-bauan yang harum dan masuk ke dalam kota sambil berkata di dalam hatinya, “Pada malam ini aku akan masuk ke dalam kota lalu membakar dan mengamuk untuk mencuri semua harta penduduk Melaka.

Sebermula maka Laksamana pun memakai pakaian penjurit. Maka Laksamana pun berjalanlah. Pada malam itu kelam-kabut dan hujan pun rintik-rintik. Maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka Laksamana pun tidur di tengah pasar itu. Maka didengar oleh Laksamana kaki Kertala Sari itu terlalu guruh bahananya. Maka Laksamana pun tahulah akan Kertala Sari datang itu. Maka Kertala Sari pun berjalanlah ke tengah pasar itu. Maka tertendang kakinya pada tubuh Laksamana.

Setelah itu, Laksamana pun memakai pakaian seperti seorang askar. Kemudian, Laksamana memulakan langkah. Pada malam itu keadaan menjadi kelam kabut dan hujan mulai turun. Pada masa yang sama Kertala Sari juga masuk ke dalam kota. Jadi, Laksamana pun tidur di tengah-tengah pasar. Ketika sedang tidur Laksamana mendengar bunyi tapak kaki Kertala Sari yang sangat kuat. Laksamana dapat mengagak akan kedatangan Kertala Sari. Kertala Sari pun berjalan ke tengah pasar tersebut. Kemudian, kaki Kertala Sari tertendang badan Laksamana.

Maka Kertala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana itu, katanya, “Teririk bangkai pula aku ini!”

Seterusnya Kertala Sari berdiri di atas kepala Laksamana dan berkata, “Terpijak mayat pula aku ini!”.

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Ketika Laksamana tidur kerisnya sudah sedia dikeluarkan daripada sarungnya, lalu Laksamana pun melompat dan menikam dada Kertala Sari hingga tembus ke belakangnya.

Maka Laksamana pun berkata, “Ceh, mati engkau olehku!”

Laksamana berkata, “Cis, mati engkau aku bunuh!”

Setelah Kertala Sari merasai luka itu, maka dihunusnya kerisnya pula mengusir Laksamana. Dua tiga langkah maka ia pun rebah terjerumus lalu mati. Maka oleh Laksamana dihirisnya syahwatnya diambilnya lalu ia kembali ke rumahnya.

Apabila Kertala Sari berasa sakit kesan luka itu, dia pula mencabut kerisnya untuk menghalau Laksamana. Setelah dua tiga langkah Kertala Sari jatuh terjerumus dan meninggal dunia. Setelah itu, Laksamana memotong kemaluan Kertala Sari lalu diambil dan kemudian dia pulang ke rumahnya.

Setelah hari hampir siang maka orang pun lalu. Maka dilihatnya seorang perlente mati; maka segera dikeratnya telinga dibawa kepada raja, sembahnya, “Ya tuanku, inilah tandanya patik membunuh penjurit yang terlalu buas itu.”

Setelah waktu hampir siang, orang lalu di kawasan itu. Mereka melihat Kertala Sari telah meninggal dunia dan bertindak segera memotong telinga Kertala Sari dan terus dibawa menghadap raja, sembahnya, “Tuanku, ini bukti patik membunuh Kertala Sari yang sangat kejam itu.

Maka datang pula seorang lagi, dikeratnya kepala, lalu dibawa menghadap raja katanya, “Inilah tandanya patik membunuh penjurit malam tadi.”

Kemudian, ada orang lain yang lalu, orang itu memenggal kepala Kertala Sari, lalu dibawa menghadap raja dan berkata, “Inilah tandanya patik membunuh penjahat malam tadi.”

Dengan demikian habislah kaki tangan Kertala Sari dikeratnya dibawanya kepada raja. Maka baginda pun menjadi hairan.

Oleh hal yang demikian, kaki dan tangan Kertala Sari habis dipotong dan dibawa oleh mereka untuk menghadap raja. Setelah itu, baginda pun berasa hairan.

Maka titah baginda kepada Bendahara, “Ayo mamak Bendahara, kita pun hairan kelakuan ini. Siapakah juga yang sungguh ini?”

Lalu baginda bertitah kepada Bendahara, “Hai Bendahara, beta berasa hairan dengan perkara ini. Siapakah yang sebenarnya membunuh penjahat ini?”

Maka sembah Bendahara, “Ya tuanku, pada bicara patik, dua pertandaan lagi maka sungguh; tambahan Laksamana belum datang.”

Lalu Bendahara memberi sembah, “Ya tuanku, pada pendapat patik, kita akan menunggu dua lagi bukti kukuh untuk membuktikannya; tambahan pula Laksamana masih belum sampai.

Seketika lagi maka Laksamana pun datang membawa syahwat dan keris Kertala Sari. Maka sembah Bendahara, “Inilah, tuanku pertandaan yang sungguh. Pada bicara patik, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunuh penjurit itu. Jangan membunuh dia, menentang matanya pun tiada dapat.” Maka segala mereka itu pun masing-masing tunduk kemalu-maluan, lalu kembali.

Tidak lama kemudian, Laksamana datang dengan membawa alat sulit dan keris Kertala Sari. Lalu Bendahara memberi sembah, “Inilah tuanku bukti yang kukuh. Pada

pendapat patik, selain daripada Laksamana, tiada orang lagi yang mampu membunuh penjahat itu. Jangankan hendak membunuhnya, hendak menentang matanya pun mereka tidak mampu. Kemudian semua orang yang berada di situ menundukkan muka akibat berasa malu, lalu mereka pun pulang.

Maka titah baginda, “Bagaimana tipu Laksamana maka dapat membunuh penjurit itu?”

Kemudian baginda bertitah, “Bagaimanakah helah Laksamana dapat membunuh penjahat itu?”

Maka diceritakannya segala hal-ehwalnya. Maka baginda pun hairan terlalu sukacita. Maka baginda pun memberi anugerah akan Laksamana. Maka sembah Laksamana, “ Ya tuanku, baiklah titahkan segala rakyat berangkut segala harta itu.”

Lalu Laksamana menceritakan segala-galanya. Baginda pun berasa hairan dan sangat gembira. Lalu baginda pun memberikan anugerah kepada Laksamana. Kemudian, Laksamana memberi sembah, “Ya tuanku, seeloknya tuanku menitahkan semua rakyat mengangkut semua harta itu.”

Maka titah raja pada Tun Kasturi, “Pergilah Bentara menghadapi orang mengangkut segala harta dan kerahkan segala orang mengangkut harta itu.”

Lalu raja bertitah kepada Tun Kasturi, “Bentara pergilah berjumpa semua rakyat dan kerahkan mereka untuk mengangkut semua harta itu.

Maka Bentara pun menyembah lalu pergi dengan rakyat mengangkut segala harta itu di Bukit Cina. Maka harta itu pun terlalu banyak. Maka segala harta itu ditimbunkan di halaman balairung itu, tujuh hari tujuh malam berangkut segala harta itu.

Kemudian Bentara pun menyembah dan pergi bersama dengan rakyat mengangkut semua harta di Bukit Cina. Harta yang diangkut itu terlalu banyak. Semua harta itu dikumpulkan di halaman balairung, dan mereka mengangkut harta itu selama tujuh hari tujuh malam.

SEKOLAH MENENGAH AGAMA RANTAU – MS:38

NAMA PENUH KP : NOR AZIYAN BINTI SHAARI

NO. KP : 801113086016

Setelah sudah maka sembah Laksamana, “Baik juga Duli Yang Dipertuan menitahkan orang memalu mong-mongan suruh mari mengenal hartanya.” Maka baginda pun bertitah pada Temenggung menyuruh orang memalu mong-mongan. Maka dipalu oranglah berkeliling negeri.

Laksamana menyembah, “Sebaik-baiknya Duli Yang Dipertuan menitahkan orang memukul canang / gong kecil untuk memberitahu agar rakyat datang bagi mengenal pasti harta mereka.” Baginda bertitah kepada Temenggung agar menyuruh orang memukul gong. Gong dipukul sekeliling negeri.

Maka segala orang yang kehilangan itu pun semuanya berhimpun masuk ke dalam pergi mengenal segala harta, seorang pun tiada tinggal. Maka kata seorang, “Ini harta patik, tuanku.”

Maka seorang, “ Ini pun ia harta patik, tuanku.”

Maka kata seorang, “Ini tuanku benda patik.”

Kata seorang, “ Ini bantal patik, tuanku.”

Semua pemilik barang yang dicuri itu berkumpul untuk menuntut barang kepunyaan masing-masing. Kata seorang, “ Harta ini kepunyaan patik, tuanku.”

Seorang berkata, “ Ini ialah harta patik, tuanku.”

Seorang lagi berkata, “ Ini ialah barang patik.”

Seorang berkata, “ Ini ialah bantal patik, tuanku.”

Setelah habislah dikenalnya segala yang empunya, maka titah raja, “Hai segala kamu sekalian, hendaklah segala harta ini dibahagi tiga, dua bahagi akan Laksamana, sebahagi akan orang yang empunya harta, kerana harta ini sudahlah hilang beroleh akan Laksamana.”

Maka sembah orang itu, “Daulat tuanku, mana titah patik junjung.”

Setelah semua barang dituntut oleh pemiliknya, sultan bertitah, “Wahai kamu sekalian, harta ini hendaklah dibahagi kepada tiga bahagian iaitu dua bahagian diserahkan kepada Laksamana, sebahagian lagi untuk pemilik harta tersebut kerana Laksamana yang telah menemui barang yang hilang itu.”

Orang itu menyembah, “ Daulat tuanku, titah tuanku patik junjung.”

Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, jika demikian, sahaja aniyalah duli yang maha mulia dan dukacitalah sekalian empunya harta. Yang sebahagi itu akan patik. Dalam pada itu pun, mana kasih hatinya hendak memberi akan patik.”

Maka titah baginda, “ Hai segala kamu, sukakah seperti kata Laksamana ini?”

Sembah Laksamana, “Ya tuanku, jikalau demikian, maka sudah tentu pemilik harta akan bersedih dan tidak adil untuk mereka. Patik akan mengambil sebahagian sahaja. Oleh hal yang demikian, sudah tentu mereka senang hati untuk diberikan kepada patik.”

Baginda bertitah, “ Wahai kamu semua, setujukah dengan cadangan Laksamana ini?”

Maka sembah mereka itu, “ Sukalah patik sekalian memberikan Laksamana. Demi Allah dan Rasul-Nya, dengan tulus ikhlas patik sekalian.” Masing-masing pun memberikan segala hartanya akan Laksamana.

Lalu mereka menyembah, “Patik sekalian bersetuju untuk memberikannya kepada Laksamana. Patik sekalian memberikannya dengan seikhlas hati demi Allah dan Rasul-Nya. Masing-masing memberikan bahagian harta mereka kepada Laksamana.

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan yang sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada

penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Seterusnya, Laksamana membahagikan harta itu kepada tiga bahagian dan mengambil satu bahagian daripada harta tersebut. Satu bahagian yang diambil dibahagikan kepada tiga bahagian; satu bahagian didermakan kepada fakir miskin, satu bahagian didermakan kepada pegawai yang tidak ada jawatan manakala satu bahagian lagi didermakan kepada pengikutnya. Semua harta yang diserahkan telah habis dibahagikan. Laksamana tidak mengambil apa-apa harta.

SM AGAMA NILAI – MS: 39

NAMA PENUH KP : NOR FADHILAH BINTI ABDULLAH

NO. KP : 761010045306

Maka baginda pun terlalu amat kurnia akan Laksamana; barang sesuatu bicara, jikalau tiada Laksamana, tiadalah putus. Maka negeri Melaka pun kararlah.

Baginda sangat berbangga terhadap Laksamana kerana setiap perkara yang dibincangkan, jika tanpa Laksamana sukar untuk membuat keputusan. Selepas itu, negeri Melaka pun menjadi aman.

Berapa lamanya maka terdengar ke Majapahit kepada Patih Gajah Mada bahawa Kertala Sari sudah mati dibunuh oleh Laksamana. Maka Patih Gajah Mada pun mencari daya dan upaya hendak mengalahkan negeri Melaka dan membunuh Laksamana itu juga, sentiasa menyuruh ke gunung dan segenap bukit bertanyakan orang yang bercakap membunuh Laksamana dan Ratu Melaka. Demikianlah pekerjaannya.

Setelah beberapa lama, berita Kertala Sari yang mati dibunuh oleh Laksamana telah sampai ke Majapahit iaitu kepada Patih Gajah Mada. Oleh sebab itu, Patih Gajah Mada telah berusaha pelbagai cara untuk mengalahkan negeri Melaka dan membunuh Laksamana. Patih Gajah Mada sentiasa menyuruh orangnya mencari di segenap tempat orang yang sanggup membunuh Laksamana dan Ratu Melaka. Begitulah tugas yang dilakukannya.